

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 7 JUN 2024  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 24

3,582 pertubuhan terlibat banci OGSE

## 3,582 pertubuhan terlibat banci OGSE

Hasil banci dapat digunakan untuk merancang program pembangunan industri berkenaan

Oleh ROSKHOIRAH YAHYA  
KUALA LUMPUR

Pelaksanaan banci perkhidmatan dan peralatan minyak dan gas (OGSE) yang dilaksanakan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melibatkan 3,582 pertubuhan di seluruh negara.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Mohd Uzir Mahidin berkata, pertubuhan tersebut memberikan perkhidmatan serta membekalkan peralatan kepada syarikat yang terlibat dalam aktiviti hulu minyak dan gas.

Katanya, daripada keseluruhan pertubuhan yang ter-

senarai sebanyak 2,074 berada dalam sektor perkhidmatan, 977 pembinaan, 274 perombongan dan pengkuarian serta baki 257 adalah sektor pembuatan.

"Jika dilihat kepada taburan mengikut negeri, banci OGSE pada kali ini melibatkan kesemua negeri di Malaysia dengan lima tertinggi iaitu Selangor, Kuala Lumpur, Sarawak, Terengganu dan Johor.

"Terdapat empat objektif yang disasarkan bagi pelaksanaan banci ini antaranya mengukur prestasi dari aspek sumbangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) guna tenaga dan eksport serta menjadi penanda aras baharu statistik OGSE Malaysia.

"Selain itu, ia juga bertujuan untuk menilai pencapaian dasar atau program negara seperti Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) seterusnya meningkatkan kapasiti statistik negara melalui pengemaskinian Daftar Perniagaan Perangkaan (MSBR) serta memperkasa



Mohd Uzir (dua dari kiri) bersama Rafizi (tengah) menunjukkan borang Banci Perkhidmatan dan Peralatan Minyak dan Gas 2024 pada majlis pelancaran banci itu pada Khamis.

pangkalan data ekonomi Malaysia," katanya ketika berucap dalam Majlis Pelancaran Banci OGSE di Kuala Lumpur pada Khamis.

Majlis tersebut dilancarkan oleh Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Banci OGSE diadakan dengan kerjasama strategik Perbadanan Sumber Petroleum Malaysia (MPPRC) dan Petronas. Menurut Mohd Uzir,

pelaksanaan banci OGSE bagi tahun 2024 bakal menunjukkan keberhasilan yang signifikan yang mana hasilnya dapat digunakan untuk merancang program-program pembangunan terhadap industri berkenaan.

"Ia juga dapat memperkukuhkan keupayaan syarikat tempatan dalam menyediakan rangkaian perkhidmatan dan peralatan

kepada industri hulu minyak dan gas sekali gus mendorong pembangunan industri OGSE yang lebih kompetitif di peringkat global.

"Oleh itu, pertubuhan ekonomi yang terpilih dalam banci OGSE bagi tahun 2024 memainkan peranan penting dalam membekal data dan maklumat tepat untuk penyediaan statistik yang berkualiti," ujar beliau.